

**PEMBINAAN DAN PENILAIAN KESESUAIAN
MODUL PEMBELAJARAN KENDIRI ALAT MUZIK YANGQIN
UNTUK PENDIDIKAN MUZIK TINGKATAN EMPAT,
KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA**

CHANG YUN PING

Tesis ini dikemukakan
bagi memenuhi syarat untuk penganugerahan
Ijazah Sarjana Seni Gunaan Dan Kreatif (Muzik)

Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2007
©CHANG YUN PING

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih khasnya ditujukan kepada Dr. Hasnizam Abdul Wahid selaku penyelia yang banyak mencurahkan ilmu, membimbing dan memberikan tunjuk ajar kepada saya sehingga menyempurnakan kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada penolong penyelia saya, Cik Ng Sie Ai yang sentiasa membimbing dan memberikan cadangan dalam menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada pensyarah Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, UNIMAS yang secara tidak langsung membantu saya dalam kajian ini.

Ucapan ribuan terima kasih juga kepada guru-guru pakar *Yangqin* di Kuching, pengetua-pengetua sekolah menengah dan guru-guru muzik sekolah menengah di Sarawak serta pelajar-pelajar yang terlibat atas segala sokongan dan kerjasama yang telah diberikan semasa saya menjalankan kajian ini.

Akhir sekali ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli keluarga yang disayangi dan rakan-rakan sekerja yang dikasihi atas dorongan yang diberikan sehingga kajian ini dapat disempurnakan.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina dan menilai kesesuaian modul pembelajaran sendiri kemahiran asas permainan alat muzik *Yangqin* untuk Pendidikan Muzik tingkatan empat. Reka bentuk modul pembelajaran ini dibina berdasarkan Model Teras-Cabang Shaharom (1994) dan dinilai berdasarkan tiga fasa Penilaian Formatif Dick & Carey (1990). Teknik temubual, dokumen dan soal selidik digunakan untuk mengutip data. Peserta kajian terdiri daripada 3 orang guru pakar *Yangqin*, 23 orang guru muzik sekolah menengah dan 30 orang pelajar tingkatan empat. Hasil kajian menunjukkan kemahiran asas permainan *Yangqin* merangkumi postur, teknik memukul, cara memegang buluh pemukul dan latihan asas. Modul pembelajaran yang dihasilkan ini menerangkan kemahiran asas permainan dengan lampiran ilustrasi. Hasil dapatan penilaian pula menunjukkan modul pembelajaran yang dibina ini sesuai digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik tingkatan empat.

ABSTRACT

The Development And Evaluation Of Self-Learning Module On *Yangqin* For Form Four Malaysia Music Education Integrated Secondary School Curriculum

The study was conducted to develop and evaluate the applicability of self-learning module on the techniques of playing *Yangqin* as a music subject for form four syllabus. *Model Teras-Cabang Shaharom* (1994) instructional design model was applied to develop this module. Three stages of Dick & Carry Formative Evaluation (1990) were implemented to evaluate the applicability of the module for form four Music Education. This study gained the data through structured interview techniques, documents and questionnaires. Respondents of this study consists of 3 *Yangqin* experts, 23 secondary music teachers and 30 form four students. The finding indicated the basic skills of playing *Yangqin* including posture, techniques of playing the *Yangqin*, holding technique of the bamboo beater and exercising other fundamental techniques. All of these playing techniques were explained in details with illustrations in this module. Evaluation findings showed that this module is applicable to be used as a teaching and learning tool for form four Music Education.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI LAMPIRAN	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI GAMBAR RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SINGKATAN	xv
GLOSARI	xvi

BAB 1

PENGENALAN

1.1	Latar belakang	1
1.2	Pernyataan masalah	6
1.3	Objektif kajian	11
1.4	Persoalan kajian	13
1.5	Kesignifikanan kajian	14
1.6	Batasan kajian	14
1.7	Definisi istilah	17
1.8	Tinjauan literatur	18

1.8.1	Asal-usul <i>Yangqin</i>	19
1.8.2	Bentuk <i>Yangqin</i>	19
1.8.3	Ciri-ciri <i>Yangqin</i>	21
1.8.4	Fungsi alat muzik <i>Yangqin</i>	22
1.8.5	Buku-buku kaedah pengajaran <i>Yangqin</i>	23
1.8.6	Modul pengajaran	25
1.8.7	Kegunaan modul	28
1.8.8	Ciri-ciri asas modul pengajaran	31
1.8.9	Komponen-komponen modul pengajaran	34
1.8.10	Model-model rekabentuk pengajaran	37
1.8.11	Penilaian modul pengajaran	41
1.8.12	Dapatan kajian lampau	43
1.9	Kesimpulan	46

BAB 2

METODOLOGI

2.1	Pengenalan	47
2.2	Rekabentuk kajian	47
2.2.1	Kerangka teori kajian	48
2.2.2	Kaedah	54
2.2.3	Peserta kajian	56
2.2.4	Prosedur kajian	59
2.2.5	Instrumen	61
2.2.6	Kajian rintis	67
2.3	Pengurusan dan analisis data	71

2.3.1	Pengkodan dan rekod data	72
2.3.2	Penganalisan data	76
2.4	Prosedur pelaksanaan modul pengajaran alat muzik <i>Yangqin</i> secara amali	77
2.5	Kesimpulan	79
BAB 3	DAPATAN	
3.1	Pengenalan	80
3.2	Latar belakang peserta kajian (Pembinaan modul pembelajaran)	81
3.2.1	Peserta kajian pertama (PK1)	81
3.2.2	Peserta kajian kedua (PK2)	81
3.2.3	Peserta kajian ketiga (PK3)	83
3.3	Dapatan daripada temubual	82
3.3.1	Tema I : postur	84
3.3.2	Tema II : teknik memukul	89
3.3.3	Tema III : cara memegang buluh pemukul	94
3.3.4	Tema IV : latihan asas	98
3.4	Latar belakang peserta kajian (Penilaian modul pembelajaran)	100
3.5	Dapatan daripada soal selidik	103
3.5.1	Respons PFSS terhadap kesesuaian modul pembelajaran sendiri yang dibina sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik tingkatan empat	104

3.5.2	Respons PFKK terhadap kesesuaian modul pembelajaran kendiri yang dibina sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik tingkatan empat	108
3.5.3	Respons penilaian ujian lapangan (secara teori dan amali) terhadap kesesuaian modul pembelajaran kendiri yang dibina sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik tingkatan empat	111
3.6	Kesimpulan	118

BAB 4 **PERBINCANGAN**

4.1	Pengenalan	120
4.2	Perbincangan dapatan kajian (Pembinaan modul pembelajaran)	121
4.2.1	Latar belakang peserta kajian	121
4.2.2	Kemahiran asas untuk mempelajari alat muzik <i>Yangqin</i>	121
4.3	Perbincangan dapatan kajian (Penilaian kesesuaian modul pembelajaran kendiri)	127
4.3.1	Latar belakang peserta kajian	127
4.3.2	Respons penilaian kesesuaian modul pembelajaran kendiri yang dibina sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik tingkatan empat melalui PFSS, PFKK dan ujian lapangan (secara teori dan amali)	128
4.4	Kepentingan modul pembelajaran kendiri alat muzik <i>Yangqin</i>	135

4.5	Implikasi	136
4.5.1	Guru	136
4.5.2	Pelajar	139
4.5.3	Kementerian Pelajaran Khususnya Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) dan Bahagian Buku Teks (BBT)	141
4.6	Kesimpulan	141

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	142
5.2	Rumusan kajian	142
5.3	Rumusan dapatan pembinaan modul pembelajaran sendiri	145
5.4	Rumusan dapatan penilaian kesesuaian modul pembelajaran sendiri	147
5.5	Cadangan berkaitan	148
5.5.1	Pembinaan modul pembelajaran sendiri oleh guru-guru sekolah	148
5.5.2	Bahagian Buku Teks dan Pusat Perkembangan Kurikulum	150
5.5.3	Modul pembelajaran sendiri digunakan di sekolah menengah	151
5.6	Cadangan kajian lanjutan	152
5.7	Kesimpulan	153
	RUJUKAN	154

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A : Senarai sekolah rintis Pendidikan Muzik KBSM 1996
- Lampiran B : Surat pekeliling ikhtisas bil 2/2001 : Status Mata Pelajaran Pendidikan Muzik dalam KBSM
- Lampiran C : Senarai sekolah yang menawarkan Pendidikan Muzik KBSM di Sarawak
- Lampiran D : Soalan temubual berstruktur (guru pakar *Yangqin*)
- Lampiran E : Senarai semak analisis dokumen *VCD*
- Lampiran F : Borang pengesahan isi kandungan modul pengajaran alat muzik *Yangqin*
- Lampiran G : Borang pengesahan bahasa modul pengajaran alat muzik *Yangqin*
- Lampiran H : Soal selidik kesesuaian modul pengajaran (Guru)
- Lampiran I : Soal selidik kesesuaian modul pengajaran (Pelajar)
- Lampiran J : Soalan temubual berstruktur (pelaksanaan modul pembelajaran sendiri secara amali)
- Lampiran K : Surat kebenaran menjalankan kajian (Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan)
- Lampiran L : Surat kebenaran menjalankan kajian (Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak)

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
2.1 Kerangka Teori Pembinaan Modul Pembelajaran Kendiri berdasarkan Model Teras-Cabang (Shaharom, 1994) dan Penilaian Formatif (Dick & Carey, 1990)	50

SENARAI GAMBAR RAJAH

Gambar rajah	Muka surat
1.1 <i>Yangqin</i>	21
3.1 Postur duduk	84
3.2 Kedudukan pemain dengan alat muzik <i>Yangqin</i>	85
3.3 Postur badan yang tegak dan dalam keadaan selesa	87
3.4 Penggunaan bangku kecil	88
3.5 Postur kaki	89
3.6 Teknik memukul satu tangan	91
3.7 Teknik memukul dua tangan	91
3.8 Posisi buluh pemukul dipukul	92
3.9 Tempat tali dipukul	94
3.10 Pegang di hujung buluh pemukul	95
3.11 Posisi jari	97
3.12 Posisi jari dilihat dari sudut depan	98
3.13 Kedudukan not-not nada F dan G major	100
4.1 Kedudukan <i>Yangqin</i> dalam orkestra Cina	130

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1 Komponen-komponen soal selidik, bilangan soalan dan jenis pengukuran yang digunakan (guru)	65
2.2 Komponen-komponen soal selidik, bilangan soalan dan jenis pengukuran yang digunakan (pelajar)	67
2.3 Pengkodan data temubual	72
2.4 Jenis-jenis item latar belakang peserta kajian (guru)	73
2.5 Komponen, nombor soalan dan bilangan soalan dalam soal selidik guru	74
2.6 Komponen, nombor soalan dan bilangan soalan dalam soal selidik pelajar	75
3.1 Analisis kekerapan unsur berdasarkan tema dan sub-tema semasa temubual dengan peserta kajian.	83
3.2 Bilangan dan peratusan mengikut latar belakang peserta kajian [N=20]	104
3.3 Penilaian Formatif Satu Dengan Satu oleh peserta kajian [N=3]	107
3.4 Min Berdasarkan PFSS terhadap Lima Komponen Soal Selidik [N=3]	109
3.5 Penilaian Formatif Kelompok Kecil oleh peserta kajian [N=20]	110
3.6 Min Berdasarkan PFKK terhadap Lima Komponen Soal Selidik [N=20]	112
3.7 Penilaian Ujian Lapangan oleh peserta kajian [N=30]	113
3.8 Min berdasarkan Penilaian Peserta Kajian terhadap Lima Lima Komponen Soal Selidik [N=30]	115
3.9 Penilaian oleh peserta kajian secara amali [N=6]	117
3.10 Min berdasarkan Penilaian Peserta Kajian terhadap Lima Lima Komponen Soal Selidik [N=6]	119
4.1 Perbezaan min PFSS dengan min PFKK	129
4.2 Perbezaan min penilaian ujian lapangan dengan min penilaian ujian lapangan secara amali	133

SENARAI SINGKATAN

<i>ABRSM</i>	-	<i>Associated Board Royal School Of Music</i>
BBT	-	Bahagian Buku Teks
EPRD	-	Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KHB-KMT	-	Kemahiran Hidup Bersepadu- Kemahiran Manipulatif Tambahan
MPK	-	Modul Pembelajaran Kendiri
PFSS	-	Penilaian Formatif Satu Dengan Satu
PFKK	-	Penilaian Formatif Kelompok Kecil
PK1	-	Peserta kajian pertama
PK2	-	Peserta kajian kedua
PK3	-	Peserta kajian ketiga
PPK	-	Pusat Perkembangan Kurikulum
SPSS	-	Pakej Statistik untuk Sains Sosial
<i>VCD</i>	-	<i>Video Compact Disc</i>
sm	-	sentimeter

GLOSARI

- duet - kombinasi persembahan dua orang
- ensembel - gabungan pemuzik instrumental atau kumpulan vokal
- ensembel kamar - muzik instrumental yang terdiri daripada tiga hingga lapan orang pemain dengan setiap pemain memainkan satu bahagian
- heterofoni - satu melodi yang menggunakan pelbagai versi dijalankan secara serentak
- jianpu* - satu sistem penulisan notasi secara tradisi masyarakat Cina
- kaunter melodi - *“one part is added to an existing one”*
- kordofon - alat muzik yang bunyinya dihasilkan daripada getaran tali
- melodi - *“a series of musical notes arranged in succession, in a particular rhythmic pattern to form a recognizable unit”*
- orkestra - *“an organized body of bowed strings, with more than one player to a part, to which may be added wind and percussion instruments”*
- renj - jarak di antara not terendah dengan not tertinggi
- nada - *“key”* seperti C major
- skala - kedudukan urutan ton dalam bentuk bertangga menaik atau menurun
- solo - penyanyi atau pemain muzik tunggal
- staccato* - cara permainan yang terputus-putus

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar belakang

Pendidikan Muzik Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) mula diperkenalkan di semua sekolah rendah di Malaysia pada tahun 1983. Mata pelajaran Pendidikan Muzik telah diwajibkan untuk semua murid sekolah rendah dan diperkenalkan kepada murid tahun satu. Berdasarkan kepada kenyataan yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) pada tahun 1982, program Muzik di sekolah rendah diperkenalkan bertujuan untuk memperkembangkan minat murid di dalam bidang muzik di samping mengukuhkan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Pembentukan nilai estetika dan kreativiti dipercayai dapat dipupuk dan diperkembangkan melalui pengalaman-pengalaman dan kegiatan-kegiatan muzik seperti nyanyian, muzik dengan gerakan dan genderang.

Selepas semakan terhadap struktur KBSR, beberapa aspek baru telah diberi penekanan dalam Pendidikan Muzik sekolah rendah. Ini termasuk aspek bahasa muzik, pengalaman muzikal, ekspresi kreatif dan penghargaan ke atas nilai estetik. Sukatan pelajaran KBSR Pendidikan Muzik yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (2000) menyatakan matlamat utama Pendidikan Muzik KBSR adalah bertujuan untuk melahirkan murid yang mempunyai penguasaan, pengetahuan dan kefahaman yang baik mengenai asas muzik, mempunyai kemahiran minimum dalam penghasilan muzik, berpotensi dalam aspek kreativiti

dan inovasi, dapat menghargai dan menikmati muzik daripada perspektif estetika serta mengamalkan nilai murni.

Di Malaysia, mata pelajaran Pendidikan Muzik hanya diajar secara formal melalui kurikulum di peringkat sekolah rendah dan peluang untuk murid mengembangkan potensi dan bakat dalam bidang muzik adalah terhad. Ini secara tidak langsung telah membawa kepada memperkenalkan Pendidikan Muzik Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1996. Berdasarkan Pusat Perkembangan Kurikulum (1995), Pendidikan Muzik sekolah menengah adalah lanjutan daripada pengalaman di sekolah rendah untuk memberi perluasan pengalaman muzikal dan kesedaran estetik pelajar di samping membina kemahiran dan keilmuan muzik yang sepadan dengan umur dan tahap kematangan pelajar. Pendidikan Muzik KBSM hanya dilaksanakan di dua puluh buah sekolah menengah (rujuk Lampiran A) di seluruh negara pada tahun 1996 sebagai sekolah rintis mulai daripada tingkatan satu hingga ke tingkatan tiga.

Berdasarkan surat pekeliling ikhtisas bil. 2/2001 yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (rujuk Lampiran B), Pendidikan Muzik KBSM yang bermula pada tahun 1996 telah ditamatkan taraf rintisnya pada penghujung tahun 2000. Pada tahun 2001, status Pendidikan Muzik KBSM adalah sebagai mata pelajaran wajib di peringkat menengah rendah dan sebagai mata pelajaran elektif di peringkat menengah atas. Di peringkat menengah rendah, mata pelajaran Pendidikan Muzik KBSM telah diperkenalkan sebagai alternatif kepada Pendidikan Seni Visual manakala di peringkat menengah atas, Pendidikan Muzik digolongkan dalam kumpulan Kemanusiaan dan diperkenalkan sebagai mata

pelajaran elektif. Dalam sukatan pelajaran KBSM Pendidikan Muzik Menengah Atas 2004, matlamat Pendidikan Muzik KBSM adalah untuk melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman muzikal yang membolehkan mereka menikmati dan menghargai muzik di samping menyatakan ekspresi diri dan meneroka potensi diri dalam penciptaan dan persembahan muzik ke arah melahirkan insan yang seimbang, kreatif, berdisiplin dan harmonis.

Gardner (2004) mengatakan setiap orang memiliki sekurang-kurangnya lapan kecerdasan yang pelbagai. Kesemua lapan kecerdasan ini dimiliki oleh setiap individu tetapi tahapnya adalah berbeza-beza. Kelapan-lapan kecerdasan ini terdiri daripada kecerdasan verbal-linguistik, logik-matematik, visual-ruang, kinestetik, muzik, *interpersonal*, *intrapersonal* dan *naturalis*. Kecerdasan pada setiap individu boleh dipupuk dan diperkembangkan. Salah satu daripada kecerdasan itu adalah kecerdasan muzik. Menurut beliau lagi (2004), kecerdasan muzik pada seseorang membolehkannya mengesan bunyi, muzik serta irama yang terdapat di persekitarannya. Seseorang individu yang memiliki kecerdasan ini akan dapat menggunakan elemen-elemen muzik seperti melodi, irama, ekspresi, harmoni dan sebagainya. Peningkatan kecerdasan muzik yang ada pada setiap pelajar boleh memperkembangkan kecerdasan yang lain dan membantu pelajar mencapai keputusan yang lebih baik. Kajian-kajian lepas telah menunjukkan pembelajaran muzik boleh membantu pelajar dalam pembelajaran Matematik kerana muzik juga melibatkan konsep asas Matematik seperti nisbah dan sebagainya .

Sehubungan dengan ini, Pendidikan Muzik memainkan peranan yang penting di dalam kurikulum sekolah di Malaysia. Namun begitu, Johami pernah berkata :

“music education in Malaysia has not really moved anywhere. The progress made in Malaysian music education since 1983 could be liken to the wheels of a car that stuck in the mud.”

(Johami, 2002 : 5)

Ini adalah kerana muzik tradisional ternyata masih samar sejak pelaksanaan Pendidikan Muzik di sekolah rendah pada tahun 1983. Pendapat ini turut disokong oleh Bong (2003) yang mengatakan bahawa pelaksanaan muzik tradisional tempatan belum mencapai tahap sebagaimana yang dikehendaki melalui Pendidikan Muzik KBSR dan KBSM. Menyedari hakikat ini, bahagian yang terlibat dalam penggubalan kurikulum seperti Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) telah memberi perhatian terhadap perkara tersebut.

Hasil daripada semakan kurikulum Pendidikan Muzik KBSM pada tahun 2004, beberapa jenis muzik tradisional Malaysia selain daripada ensembel caklempong seperti ensembel gong Sabah dan Sarawak, ensembel orkestra Cina dan ensembel muzik India telah diberi keutamaan. Kesemua jenis ensembel ini adalah cadangan untuk dipilih oleh sekolah yang menawarkan mata pelajaran Pendidikan Muzik. Kesan daripada kelonggaran ini, masih terdapat kebanyakan sekolah menengah memilih ensembel caklempong sebagai medium pengajaran untuk diajar di sekolah. Ini adalah kerana ensembel caklempong adalah sebuah ensembel yang popular dan ia telah lama dikenali oleh guru muzik sejak ianya diperkenalkan di sekolah menengah pada tahun 1996. Ramai guru muzik juga berpengetahuan dan berpengalaman dalam permainan ensembel ini kerana telah didedahkan dengan pelbagai kursus yang berkaitan. Melalui perbualan dengan beberapa orang guru muzik sekolah menengah, mereka berpendapat bahawa tidak ada bahan rujukan dan tidak mempunyai kepakaran untuk ensembel yang lain juga merupakan faktor yang

menghalang mereka untuk memilih ensembel yang lain. Ini menunjukkan bahawa wujudnya sikap guru yang tidak ingin untuk mencuba sesuatu yang baru sekiranya tidak adanya kemudahan yang disediakan.

Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Pendidikan Muzik Tingkatan Empat yang dikeluarkan pada tahun 2004 telah memberi fokus kepada pengalaman ensembel dalam muzik tradisional termasuk ensembel orkestra Cina. Hasil pembelajaran yang dinyatakan dalam Huraian Sukatan Pelajaran itu ialah pelajar mempunyai pengalaman dan berkemahiran bermain alat muzik tradisional dalam ensembel. Pelajar perlu berkebolehan bermain alat muzik tradisional dengan teknik yang betul dan dapat memainkan *repertoire* mengikut skor yang diberikan.

Pada umumnya, ensembel orkestra Cina adalah satu ensembel muzik yang sering dimainkan oleh kaum Cina di Malaysia. Ensembel ini terdiri daripada pelbagai jenis alat muzik yang diklasifikasikan sebagai alat muzik aerofon, kordofon, membranofon dan idiofon. Alat-alat muzik aerofon dalam orkestra Cina berdasarkan istilah bahasa Cina adalah seperti *Dizi*, *Xiao*, *Sheng* dan *Suona*. Alat-alat muzik kordofon terdiri daripada *Erhu*, *Panhu*, *Gaohu*, *Gehu*, *Pipa*, *Yueqin*, *Ruan*, *Sanxian*, *Guzheng* dan *Yangqin*. Alat-alat muzik membranofon terdiri daripada *Gu* manakala *shimian luo*, *maling*, *luo* dan *bo* merupakan alat-alat muzik idiofon. Dalam konteks kajian ini, ia hanya menekankan kepada salah satu alat muzik kordofon iaitu *Yangqin*. *Yangqin* merupakan sejenis alat muzik yang digolongkan dalam keluarga alat muzik kordofon yang dipukul dengan menggunakan dua batang buluh pemukul.

1.2 Pernyataan masalah

Johami (1993, h.4) mengatakan bahawa kebanyakan permainan alat muzik tradisional Malaysia diajar secara tradisi lisan. Budaya tradisi lisan ditakrifkan oleh Nettl (1990, h.3) sebagai pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan dengan menggunakan perkataan melalui mulut. Ini merupakan satu cara pembelajaran muzik secara tidak formal. Melalui proses ini, murid akan berhubung dengan menggunakan kaedah mengajuk atau meniru perlakuan muzikal guru dan hanya dengan berpandukan apa yang dilihat, didengar dan tidak melalui nota muzik atau sebarang bahan rujukan. Pembelajaran muzik dengan menggunakan kaedah mengajuk ini adalah melalui pendengaran dan pembelajaran permainan alat muzik pula adalah melalui penglihatan. Dalam proses ini, seseorang pelajar akan cuba untuk membunyikan suatu alat muzik tradisional dengan kaedah peniruan bunyi atau melodi tanpa menghiraukan penggunaan teknik pembelajaran yang betul dan sistematik. Keadaan ini berterusan sehingga sekarang di mana bahan rujukan Pendidikan Muzik masih berkurangan walaupun telah bermulanya pelaksanaan muzik tradisional Malaysia seperti kompang, gamelan dan caklempong di dalam kurikulum Pendidikan Muzik sekolah menengah secara formal. Kebanyakan bahan rujukan alat muzik tradisional ini disediakan dalam bentuk nota ringkas atau bahan nota sahaja.

Berdasarkan tinjauan literatur, pengkaji mendapati beberapa kelemahan dalam pelaksanaan Pendidikan Muzik di sekolah-sekolah Malaysia. Di antaranya yang paling ketara ialah kekurangan buku atau bahan pengajaran dan pembelajaran permainan alat muzik tradisional. Pendapat ini disokong oleh pegawai Pusat

Perkembangan Kurikulum, Encik Bakhtiar Salleh dan dipersetujui oleh guru-guru muzik Sekolah Menengah St. Mary, Sarawak yang merupakan sekolah rintis Pendidikan Muzik KBSM. Melalui temubual pengkaji dengan mereka, mereka bersependapat bahawa kurang sangat bahan pengajaran atau buku rujukan yang berkaitan dengan permainan alat muzik tradisional. Ini termasuk alat muzik tradisional Cina di pasaran.

Bahan rujukan alat muzik tradisional Cina di pasaran adalah ditulis dalam Bahasa Cina. Walaupun terdapatnya bahan rujukan ini tetapi ia menghadapi masalah sekiranya digunakan di Malaysia. Bahan rujukan ini ditulis dalam bahasa Cina dan ia memang tidak sesuai digunakan oleh pelajar sekolah menengah di Malaysia. Ini adalah kerana pelajar-pelajar di sekolah menengah kebangsaan Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum seperti Cina, Melayu, India, Kadazan dan sebagainya. Bukan semua kaum ini boleh membaca tulisan Bahasa Cina.

Sekiranya bahan rujukan ini diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia, ia juga tidak sesuai digunakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran asas alat muzik tradisional Cina. Ini adalah kerana bahan rujukan ini ditulis berpandukan kepada sukatan peperiksaan formal dari *China's Central Conservatory of Music, Beijing*. Tahap kefahaman isi kandungan adalah lebih mendalam jika dibandingkan dengan objektif yang dinyatakan dalam huraian sukatan pelajaran Pendidikan Muzik Tingkatan Empat yang hanya menekankan kepada kemahiran asas sahaja permainan alat muzik orkestra Cina. Bahan rujukan ini juga lebih berbentuk kepada buku dan susunan isi kandungannya kurang sistematik jika dibandingkan dengan modul. Selain itu, isi kandungan bahan rujukan ini lebih

berbentuk umum dan ia tidak memberi penekanan kepada kemahiran asas permainan alat muzik *Yangqin*. Bahan rujukan ini mengandungi lagu pelbagai nada untuk dibuat sebagai latihan.

Walaupun mata pelajaran Pendidikan Muzik telah dilaksanakan daripada tingkatan satu hingga tingkatan lima, namun hanya sebuah buku yang merupakan buku teks dihasilkan untuk tingkatan satu oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1998. Buku ini bertajuk “Buku Sumber dan Aktiviti Pendidikan Muzik Tingkatan Satu”. Tidak ada buku teks Pendidikan Muzik yang lain dihasilkan untuk sekolah menengah. Pada tahun 2001, Pusat Perkembangan Kurikulum telah menghasilkan sebuah buku panduan pelaksanaan Pendidikan Muzik untuk tingkatan satu hingga lima, namun begitu buku ini lebih menjurus kepada teori sahaja termasuk untuk bahagian alat muzik tradisional. Selain itu, PPK juga turut menerbitkan sebuah buku Pendidikan Muzik pada tahun 2003 yang bertajuk “Muzik Tradisional Sekolah Menengah”. Buku ini juga hanya memperkenalkan dan menerangkan alat muzik tradisional dari segi jenis, asal-usul, bentuk, saiz dan fungsi permainan. Kedua-dua buku ini kurang lengkap dan tidak ada sebarang maklumat yang berkaitan dengan kemahiran memainkan sesuatu alat muzik tradisional. Justeru melalui kajian ini, pengkaji bercadang untuk menghasilkan sebuah modul pembelajaran sendiri alat muzik tradisional Cina iaitu *Yangqin* dari segi kemahiran asas permainannya supaya dapat mengisi kekurangan kedua-dua buku tersebut. Di samping itu, modul pembelajaran ini juga akan digunakan untuk menilai pencapaian aras hasil pembelajaran sepertimana yang ditetapkan dalam Huraian Sukatan Pelajaran KBSM Pendidikan Muzik Tingkatan Empat (2004) iaitu berkebolehan bermain alat muzik tradisional dengan teknik yang betul.

Kini, Pendidikan Muzik KBSM diajar secara formal yang meliputi aspek teori dan amali. Justeru itu, penguasaan kemahiran asas permainan sesuatu alat muzik tradisional telah menjadi keutamaan sepertimana yang disebut oleh Xiang (t.t). Pada umumnya, kemahiran asas permainan alat muzik akan merangkumi teknik permainan dan postur. Kekurangan dalam menguasai kemahiran asas akan mengakibatkan seseorang pemain tidak dapat menghasilkan satu persembahan atau teknik permainan alat muzik *Yangqin* yang berkesan dan bermutu. Oleh yang demikian, kemahiran asas permainan alat muzik *Yangqin* perlu didokumentasikan terlebih dahulu supaya ianya akan memudahkan proses pembentukan modul pengajaran dan pembelajaran alat muzik tersebut.

PPK (2004a) telah menetapkan pengajaran orkestra Cina sebagai salah satu ensembel pilihan di sekolah. Ia biasanya dijalankan di dalam dan di luar waktu kelas. Menurut Shaharom (2000a), modul pembelajaran adalah suatu pakej pembelajaran sendiri yang direkabentuk dengan terancang, teratur dan sistematik yang menitikberatkan pembelajaran secara individu. Oleh itu bagi merealisasikan ini, dicadangkan agar satu bahan pengajaran yang berbentuk modul pembelajaran diperkenalkan untuk mata pelajaran Pendidikan Muzik. Penggunaan modul pembelajaran sendiri boleh memberi peluang kepada pelajar belajar sendiri dan hanya dibimbing oleh guru jika ada masalah. Pelajar-pelajar juga boleh mengikuti bahan pembelajaran tersebut mengikut kemampuan dan kecepatan diri mereka sendiri.

Melalui perbincangan pengkaji dengan guru-guru muzik dari sekolah-sekolah menengah di Sarawak, salah satu sebab yang menyebabkan mereka tidak dapat